

Hukuman bagi Kesalahan Seksual di Bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan kepada Hukuman yang Lebih Berat

(Punishment for Sexual Offences under Negeri Sembilan Syariah Criminal Enactment 1992: The Need for a Heavier Punishment)

ANITA ABDUL RAHIM
ADIBAH ABDUL RAHIM
NAZURA ABDUL MANAP

ABSTRAK

Hukuman yang lazim dan sering dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah ialah samada penjara atau denda. Malah, dalam kesalahan jenayah syariah yang paling berat seperti berzina atau persetubuhan haram sekali pun, hukuman yang biasa dikenakan ke atas pesalah, hanyalah sekadar denda. Denda maksimum yang dikenakan terhadap pesalah hanyalah sebanyak RM 5000. Manakala hukuman rotan atau sebat yang sejak akhir-akhir ini menjadi isu perdebatan di negara ini, jarang sekali diputuskan untuk dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah. Melihat senario tersebut dan pertambahan kes-kes jenayah syariah yang berlaku di negara amnya, dan di Negeri Sembilan khususnya, timbul suatu persoalan iaitu, adakah hukuman yang dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah itu terlalu ringan, lalu menjadikan ianya seolah-olah tidak berkesan dalam mendidik pesalah? Isu inilah yang dikemukakan dalam artikel ini, di mana, didapati terdapat kekurangan, atau kelemahan dalam aplikasi hukuman bagi jenayah syariah. Ini mendorong kepada suatu hipotesis bahawa hukuman yang lebih berat perlu dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah di Negeri Sembilan, khususnya dalam kesalahan yang bersifat seksual.

Kata kunci: hukuman, pesalah jenayah syariah, kesalahan seksual

ABSTRACT

The usual and common punishment that has been imposed on the syariah offenders is either imprisonment or fine. Even in the most serious offence like adultery or illegal sexual intercourse, the punishment is merely a fine. The most maximum fine to be imposed on the offender is only RM5000. On the other hand, whipping which has become a debatable issue in this country, is seldom imposed on the syariah offenders. Looking at this scenario and the increasing number of syariah criminal cases in the country, particularly in Negeri Sembilan, a question arises; is the punishment too lenient making it ineffective to reform the offenders? This issue is highlighted in this article where it is found that there is a weakness in the application of the syariah punishment. This leads to a hypothesis that there is a need to impose a heavier punishment in Negeri Sembilan, particularly in crimes that are sexual in nature.

Keywords: punishment, syariah criminal offender, sexual offences

PENGENALAN

Artikel ini merupakan sebahagian dari hasil penyelidikan yang dilakukan ke atas hukuman bagi pesalah jenayah syariah di Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, skop penulisan telah disempitkan dengan hanya memfokuskan kepada jenis-jenis hukuman bagi kesalahan seksual, iaitu kehormatan diri, yang merupakan salah satu komponen utama dalam kategori kesalahan jenayah syariah di Negeri Sembilan. Artikel ini melihat setakat manakah hukuman dikenakan kepada pesalah-pesalah jenayah syariah di Negeri Sembilan dalam konteks kesalahan seksual.

Untuk tujuan tersebut, penulis akan mengenal pasti peruntukan bagi kesalahan-kesalahan seksual dan hukuman-hukumannya yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Analisa terhadap jenis hukuman yang dijatuhkan oleh hakim-hakim di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan ke atas pesalah jenayah syariah juga dibincangkan. Seterusnya artikel ini mengemukakan beberapa cadangan ke arah penambahbaikan undang-undang dalam memastikan hukuman yang lebih sesuai ke atas pesalah jenayah syariah yang melakukan kesalahan yang bersifat seksual membabitkan kehormatan diri.

BIDANGKUASA MENGHUKUM MAHKAMAH SYARIAH BAGI KES-KES JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

Bidangkuasa Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman bagi pesalah jenayah syariah telah diperuntukkan oleh akta persekutuan iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984 (Akta 355). Secara khususnya seksyen 2 Akta 355 memperuntukkan seperti berikut:

Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu negeri dan diberi bidangkuasa ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidangkuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:

Dengan syarat bahawa bidangkuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Ini bermakna, sungguhpun negeri-negeri boleh memperuntukkan jenis-jenis kesalahan jenayah syariah dan hukumannya, namun kuasa negeri-negeri adalah tertakluk kepada sekatan yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 74(3) menyatakan bahawa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan oleh Perkara tersebut boleh dijalankan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan mengenai mana-mana perkara tertentu.

Pada masa yang sama, sungguhpun Badan Perundangan negeri-negeri boleh membuat undang-undang mengenai hal perkara yang tersenarai dalam Senarai Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 74(2) Perlembagaan, undang-undang negeri tersebut mestilah selaras dan tidak bercanggah dengan undang-undang persekutuan yang digubal oleh Parlimen. Ini jelas diperuntukkan dalam Perkara 75 Perlembagaan seperti berikut:

Jika mana-mana undang-undang negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang persekutuan, maka undang-undang persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang negeri dan undang-undang negeri itu adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu.

Dalam konteks jenayah syariah dan hukumannya, secara jelas semua Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri, termasuklah Enakmen Jenayah Syariah Negeri

Sembilan 1992, perlu selaras dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965, Pindaan 1984. Dalam ertikata lain, hukuman maksima bagi setiap jenis jenayah syariah ialah penjara yang tidak melebihi 3 tahun, atau denda yang tidak melebihi RM5000 atau sebatan yang tidak melebihi 6 kali atau gabungan antara ketiga-tiganya. Bermakna, setiap Mahkamah Syariah yang memutuskan kes jenayah syariah adalah terikat dengan hukuman maksima yang dinyatakan dalam Enakmen atau Kanun Jenayah Syariah dan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965, Pindaan 1984.

Justeru Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 dan Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan (Pindaan) 2004 juga tertakluk kepada Akta 355 tersebut apabila memperuntukkan berhubung hukuman bagi setiap kesalahan jenayah syariah.

PERUNTUKAN BERHUBUNG KESALAHAN SEKSUAL DAN KEHORMATAN DIRI SERTA HUKUMANNYA DALAM ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN 1992

Umumnya terdapat beberapa kategori kesalahan jenayah yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Antaranya termasuklah kesalahan kesalahan mengenai akidah, kesalahan pencelaan agama dan institusinya, kesalahan mengenai kehormatan diri, kesalahan mengenai minum minuman yang memabukkan, kesalahan keterangan palsu dan kesalahan terhadap keadilan awam, kesalahan menghina kuasa yang sah di sisi undang-undang bagi penjawat awam, dan kesalahan mengenai harta Majlis. Dalam konteks artikel ini, perbincangan hanya tertumpu kepada kesalahan seksual yang terdiri daripada beberapa jenis kesalahan secara khusus. Berikut adalah peruntukan-peruntukan khusus bagi kesalahan seksual:

1. Persetubuhan haram (seksyen 60). Hukumannya ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi tiga tahun ATAU kedua-duanya.
2. Percubaan persetubuhan haram (seksyen 61). Hukumannya ialah denda tidak melebihi tiga ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi dua tahun ATAU kedua-duanya.
3. Persetubuhan haram muabbad dan ghairu muabbad (seksyen 62). Hukumannya ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi tiga tahun ATAU kedua-duanya.
4. Liwat (seksyen 63). Hukumannya ialah denda tidak melebihi tiga ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi dua tahun ATAU kedua-duanya.

5. Musahaqah (seksyen 64). Hukumannya ialah denda tidak melebihi tiga ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi dua tahun ATAU kedua-duanya.
6. Persetubuhan di luar tabii semulajadi (seksyen 65). Hukumannya ialah denda tidak melebihi tiga ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi dua tahun ATAU kedua-duanya.
7. Lelaki berlagak seperti perempuan (seksyen 66). Hukumannya ialah denda tidak melebihi satu ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi enam bulan ATAU kedua-duanya.
8. Perbuatan tidak sopan (seksyen 67). Hukumannya ialah denda tidak melebihi lima ratus ringgit ATAU penjara tidak melebihi enam bulan ATAU kedua-duanya.
9. Qazaf (seksyen 68). Hukumannya ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi tiga tahun ATAU kedua-duanya.
10. Melacurkan diri (seksyen 69). Hukumannya ialah denda tidak melebihi tiga ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi dua tahun ATAU kedua-duanya.
11. Muncikari (seksyen 70). Hukumannya ialah penjara tidak melebihi tiga tahun ATAU denda tidak melebihi lima ribu ringgit ATAU kedua-duanya.
12. Orang-orang yang hidup atas atau yang memperdagangkan pelacuran (seksyen 71). Hukumannya ialah penjara tidak melebihi tiga tahun ATAU denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.
13. Melacurkan isteri dan anak (seksyen 72). Hukumannya ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi tiga tahun ATAU kedua-duanya DAN sebatan tidak melebihi enam kali.
14. Menjual atau memberi anak (seksyen 73). Hukumannya ialah denda tidak melebihi tiga ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi dua tahun ATAU kedua-duanya.
15. Menghasut perempuan bersuami atau lelaki beristeri (seksyen 74). Hukumannya ialah denda tidak melebihi satu ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi enam bulan ATAU kedua-duanya.
16. Hamil luar nikah (seksyen 75). Hukumannya ialah denda tidak melebihi tiga ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi dua tahun ATAU kedua-duanya.
17. Memikat atau membawa pergi perempuan bersuami atau anak dara (seksyen 76). Hukumannya ialah denda tidak melebihi satu ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi satu tahun ATAU kedua-duanya.
18. Memikat atau membawa pergi atau menahan dengan niat jahat perempuan bersuami atau anak dara (seksyen 77). Hukumannya ialah denda tidak melebihi tiga ribu ringgit ATAU penjara tidak melebihi dua tahun ATAU kedua-duanya.

KAJIAN KES-KES JENAYAH SEKSUAL HUKUMANNA DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN (2005 – 2010)

Artikel ini cuba mengemukakan kajian kes-kes jenayah seksual dan hukuman yang dikenakan adalah membabitkan keputusan kes-kes di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah setiap daerah di Negeri Sembilan. Kajian telah dibuat terhadap kes-kes di Mahkamah-mahkamah Syariah Seremban, Kuala Pilah, Rembau, Tampin, Jelebu, Port Dickson dan Jempol. Kajian hanya membabitkan kes-kes jenayah dari tahun 2005 hingga 2010 sahaja, dan hanya tertumpu kepada kes-kes yang lazim berlaku di Negeri Sembilan berdasarkan Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.

KES-KES YANG DIPUTUSKAN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAMPIN

Terdapat beberapa jenis kesalahan jenayah syariah yang lazim berlaku di daerah Tampin di sepanjang tahun 2005 hingga 2010. Kesalahan yang berlaku termasuklah hamil luar nikah (seksyen 75(1), dan jenayah percubaan persetubuhan haram (seksyen 61). Hukuman yang dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah dalam kes-kes di atas adalah seperti berikut:

- Bagi kesalahan hamil luar nikah, beberapa kes telah diputuskan di Mahkamah Syariah Tampin seperti berikut:-
1. Pendakwa Syarie Iwn Azamawati Bt Mat Zain (05007-180-0032-2005), tertuduh dikenakan hukuman denda RM 2000. Jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama tempoh 12 bulan.
 2. Pendakwa Syarie Iwn Fadhilah Bt Daud (05007-180-0043-2007) tertuduh dikenakan denda RM 1800. Jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama tempoh satu bulan.
 3. Pendakwa Syarie Iwn Norhaniza Bt Osman (05007-180-0026-2008) tertuduh dikenakan denda RM 1500. Jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama tempoh dua bulan.
 4. Pendakwa Syarie Iwn Saharana Bt Othman (05007-180-0006-2009) tertuduh dikenakan

- denda RM 2500. Jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama tempoh enam bulan.
5. Pendakwa Syarie lwn Nadia Bt Bahtiar (05007-180-0039-2010) tertuduh dikenakan denda RM 2200.

Bagi kesalahan percubaan persetubuhan haram, beberapa kes telah diputuskan seperti berikut:-

1. Timbalan Pendakwa Syarie lwn Mohamad Nor Bin Harun (05007-114-0011-2006). Tertuduh dikenakan hukuman denda RM 2000. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 12 bulan.
2. Timbalan Pendakwa Syarie lwn Suhairude B Yazaik (05007-138-0018-2007). Tertuduh dikenakan denda RM 1500. Jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama tempoh satu bulan.
3. Pendakwara Syarie lwn Lokman Bin Jalani (05007-114-0025-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 1500. Jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama dua bulan.
4. Pendakwa Syarie lwn Asmah Bt Jaafar (05007-114-0024-2008), Tertuduh dikenakan denda RM 2000. Jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama tiga bulan.
5. Pendakwa Syarie lwn Azmi Bin Osman (05007-114-0024-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 2500. Jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama enam bulan.
6. Pendakwa Syarie lwn Nurul Aine Bt Razali (05007-180-0006-2009). Tertuduh dikenakan denda RM 1000. Jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama dua bulan.
7. Pendakwa Syarie lwn Sazli Azirul Bin Kamarulzaman (05007-114-0017-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 2500. Jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama lima bulan.
8. Pendakwa Syarie lwn Norhasliza Bt Juha (05007-114-018-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 2500. Jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama lima bulan.

KES-KES YANG DIPUTUSKAN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH REMBAU

Antara kesalahan jenayah syariah yang kerap berlaku di Mahkamah Syariah Rembau ialah percubaan persetubuhan haram (seksyen 61), hamil luar nikah (seksyen 75), dan berkelakuan tidak sopan (seksyen 67).

Bagi kesalahan percubaan persetubuhan haram, berikut ialah di antara kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Rendah Syariah Rembau:

1. Pendakwa Raya Syarie lwn Nor Shaliza Bt Razali. (05002-114-0041-2005). Tertuduh dikenakan hukuman denda RM 1500 sahaja.
2. Pendakwa Raya Syarie lwn Ahmad Affendi B. Bain (05002-114-0027-2007). Tertuduh dikenakan hukuman denda RM 500. Jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama dua bulan.
3. Pendakwa Syarie lwn Azman Bin Abdul Halim (05002-114-0002-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 1500 sahaja.
4. Pendakwa Raya Syarie lwn Rozaiham Ramli. (05002-114-0045-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 1000 sahaja.
5. Pendakwa Raya Syarie lwn Nur Sarah Idayu Bt Saifuddin (05002-114-0050-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 1000 sahaja.
6. Pendakwa Raya Syarie lwn Hasbullah Bin Abdul Hakim (05002-114-0036-2009). Tertuduh dikenakan denda RM 1000 sahaja.
7. Pendakwa Raya Syarie lwn Retno Wulansari (05002-114-0047-2009). Tertuduh dikenakan denda RM 2500 sahaja.
8. Pendakwa Syarie lwn Erman Bin Hashim. (05002-114-0046-2009). Tertuduh dikenakan denda RM 2000 sahaja.
9. Pendakwa Raya Syarie lwn Nur Ishmah Bt Mohamad Yusop (05002-114-0007-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 1500 sahaja.
10. Pendakwa Raya Syarie lwn Mohamad Iskandar Bin Usman (05002-114-0006-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 1700 sahaja.
11. Pendakwa Raya Syarie lwn Norlaila Bt Sontel (05002-114-0020-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 1800 sahaja.
12. Pendakwa Raya Syarie lwn Kamarulzaman Bin Semah (05002-114-0019-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 2000 sahaja.

Dalam kesalahan jenayah percubaan persetubuhan haram, berbeza dari Mahkamah Rendah Syariah Tampin, kebanyakan kes yang diputuskan oleh Mahkamah Rendah Syariah Rembau hanya mengenakan hukuman denda ke atas pesalah, tanpa mengenakan hukuman alternatif jika tidak boleh membayar denda, perlu dipenjarakan untuk tempoh masa tertentu. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa bagi pesalah jenayah melakukan percubaan persetubuhan haram, hukuman yang lazim dijatuhan hanya sekitar denda antara RM 500 ke RM 2500 sahaja.

Bagi kesalahan berkelakuan tidak sopan di tempat awam, kes-kes yang dikaji menunjukkan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah adalah seperti berikut:-

1. Pendakwa Syarie lwn Nor Hidayu Bt Mustapa (05002-160-0024-2006). Tertuduh dikenakan denda RM 300 sahaja.
2. Pendakwa Syarie lwn Mohammad Syukri B. Hudjaj (05002-160-0015-2007). Tertuduh dikenakan denda RM 200 sahaja.
3. Pendakwa Syarie lwn Suhami Bin Mustafa (05002-160-0024-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 250 sahaja.

Bagi kesalahan hamil luar nikah, kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Rendah Syariah Rembau tidaklah sebanyak kes bagi kesalahan percubaan persetubuhan haram:

1. Pendakwa Syarie lwn Norsafizah Md Ribi (05002-180-0001-2006). Tertuduh dikenakan denda RM 2000 dan jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 12 bulan.
2. Pendakwa Syarie lwn Siti Nur Akira Ramli (05002-180-0018-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 2500 dan jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama dua bulan.

Melihat kepada hukuman yang dikenakan bagi kesalahan hamil luar nikah, walaupun denda yang dikenakan lebih kurang sama, namun bagi hukuman penjara yang dikenakan jika gagal membayar denda, agak jauh berbeza antara kedua-dua kes di atas. Satu kes memutuskan penjara 12 bulan iaitu setahun, manakala satu kes lagi hanya penjara dua bulan sahaja. Ini menunjukkan ketidakkonsistensi yang berlaku dalam menjatuhkan hukuman bagi pesalah jenayah syariah, walaupun di daerah yang sama.

KES-KES YANG DIPUTUSKAN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA PILAH

Kebanyakan jenayah syariah yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Pilah pada dasarnya mempunyai persamaan dengan jenayah syariah yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Tampin dan Rembau. Kategori jenayah yang banyak didakwa dan dibicarakan termasuklah kesalahan hamil luar nikah (seksyen 75), percubaan persetubuhan haram (seksyen 61), dan berkelakuan tidak sopan (seksyen 67).

Bagi kesalahan hamil luar nikah, berikut adalah antara hukuman yang dikenakan ke atas pesalah oleh Mahkamah Rendah Syariah Kuala Pilah:

1. Pendakwa Syarie lwn Noor Aishah Bt Mohammad Shariff (05003-180-0019-2005). Tertuduh dikenakan denda RM 2000 dan jika gagal membayar denda, tertuduh akan dipenjara selama dua bulan.

2. Pendakwa Syarie lwn Laily Nor Hazleen Bt Azizan (05003-180-0043-2006). Tertuduh dikenakan denda RM 1900 dan jika gagal membayar denda, tertuduh dipenjara selama lima bulan.
3. Pendakwa Syarie lwn Noor Hanis Binti Chailani (05003-180-0041-2006). Tertuduh dikenakan denda RM 1700 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama empat bulan.
4. Pendakwa Syarie lwn Rosmawati Bt Kamat (05003-180-0028-2007). Tertuduh dikenakan denda RM 1800 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama lima bulan.
5. Pendakwa Raya Syarie lwn Asriza Bt Mohammad Aini (05003-180-0029-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 1700 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 7 hari.
6. Pendakwa Raya Syarie lwn Suhailah Bt Sabtu (05003-180-0127-2009). Tertuduh dikenakan denda RM 1800 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 30 hari.

Sekali lagi dikenalpasti bahawa hukuman alternatif iaitu hukuman penjara apabila gagal membayar denda tidak konsisten kerana walaupun jumlah denda yang dikenakan agak sama, namun, hukuman penjara agak jauh berbeza, contohnya, 7 hari dengan 30 hari.

Bagi kesalahan percubaan persetubuhan haram, kebanyakan kes memutuskan bahawa pesalah dikenakan hukuman denda, dan jika gagal membayar denda, pesalah akan dipenjarakan untuk satu tempoh masa:

1. Pendakwa Syarie lwn Norha Bt Nasir (05003-114-0009-2005). Tertuduh dikenakan denda RM 2000. Jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama dua bulan.
2. Pendakwa Syarie lwn Rozimah Bt Abu Sarim (05003-114-0017-2005). Tertuduh dikenakan denda RM 1800. Jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama satu bulan.
3. Pendakwa Syarie lwn Mohammad Shafazif Bin Abdul Aziz (05003-114-00336-2006). Tertuduh dikenakan denda RM 1700. Jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama tiga bulan.
4. Pendakwa Syarie lwn Abdullah B. Raeh (05003-114-0034-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 1800. Jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 14 hari.
5. Pendakwa Syarie lwn Nor Zaini Bt Nordin (05003-114-0035-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 2000. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 10 hari.
6. Pendakwa Syarie lwn Baktum B. Mohd Hasim (05003-114-0044-2010). Tertuduh dikenakan

- denda RM 2700. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 60 hari.
7. Pendakwa Syarie lwn Norasyikin Bt Mohd Nor (05003-114-0056-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 2800. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 60 hari.

Pada tahun 2010, didapati kadar denda yang dikenakan terhadap pesalah yang melakukan percubaan persetubuhan haram adalah agak tinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya di Kuala Pilah. Demikian juga dengan hukuman alternatif penjara, iaitu 60 hari, berbanding sekadar 10 atau 14 hari dalam tahun-tahun sebelumnya. Ini merupakan petanda baik kerana kes-kes percubaan persetubuhan haram semakin banyak berlaku di Negeri Sembilan dan seharusnya hukuman perlulah lebih berat bagi memberi pengajaran kepada masyarakat.

KES-KES YANG DIPUTUSKAN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH JEMPOL

Bagi kesalahan percubaan persetubuhan haram, hampir setiap tahun terdapat kes yang diputuskan berhubung jenayah syariah ini di Jempol, antaranya:

1. Pendakwa Syarie lwn Nor Azlina Binti Zainal (05004-114-0051-2005). Tertuduh dikenakan denda RM 1500 sahaja. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 1 tahun.
2. Pendakwa Syarie lwn Mohammad Helmi Bin Mohamed Kamal (05004-114-0069-2007). Tertuduh dikenakan denda RM 1500. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 6 bulan.
3. Pendakwa Syarie lwn Zuhaini Bt Zainuddin (05004-139-0069-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 1500. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 1 tahun.
4. Pendakwa Syarie lwn Hashiddah Bt Idris (05004-114-0031-2009). Tertuduh dikenakan denda RM 1500. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 20 hari.
5. Pendakwa Syarie lwn Sharul Mizan Bin Hamzah (05004-114-0042-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 2500. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 18 bulan.
6. Pendakwa Syarie lwn Norfizah Bt Mahamad Seran (05004-114-0102-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 2400. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 19 bulan.
7. Pendakwa Raya lwn Ahmad Faisal B. Mohamad Lofti (05004-114-0048-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 2300. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 18 bulan.

KES-KES YANG DIPUTUSKAN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH JELEBU (ANTARA 2005 KE 2010)

Bagi percubaan persetubuhan haram, denda yang dikenakan oleh mahkamah lazimnya tidak melebihi RM 2000:

1. Pendakwa Syarie lwn Siti Hawa Bt Ramza (05006-114-0006-2005). Tertuduh dikenakan denda RM 1000 sahaja. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 6 bulan.
2. Pendakwa Syarie lwn Suhami Bin Taha (05006-114-0005-2005). Tertuduh dikenakan denda RM 2000. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 1 tahun.
3. Pendakwa Syarie lwn Siti Nurbaya Bt Mohamed (05006-114-0022-2007). Tertuduh dikenakan denda RM 800 sahaja. Jika gagal membayar denda akan dipenjara selama 2 bulan.
4. Pendakwa Syarie lwn Samsul Bahrin B. Mahmud. (05006-114-0001-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 1000. Jika gagal membayar denda akan dipenjara selama 2 bulan.
5. Pendakwa Syarie lwn Marini Bte Mohamad. (05006-114-0002-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 1000. Jika gagal membayar denda akan dipenjara selama 2 bulan.

Bagi kesalahan persetubuhan luar nikah, terdapat hanya satu kes yang diperolehi yang mengenakan hukuman denda seperti berikut:

1. Pendakwa Syarie lwn Siti Fatimah Bt Abdul Ghani (05006-142-0013-2009). Tertuduh dikenakan denda RM 1700 sahaja. Jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 14 hari.

Hukuman ini sebenarnya tidak setimpal jika dibandingkan dengan hukuman yang diberikan oleh hakim bagi kesalahan percubaan melakukan persetubuhan haram. Selain denda yang sedikit, hukuman pilihan penjara juga terlalu ringan kerana tidak sampai satu bulan sedangkan hukuman maksima yang diperuntukkan dalam enakmen ialah tiga tahun.

KES-KES YANG DIPUTUSKAN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PORT DICKSON

Kesalahan percubaan persetubuhan haram, adalah di antara kesalahan paling kerap berlaku di Port Dickson:

1. Pendakwa Syarie lwn Roslan B. Mohd Yusof. (05001-114-0021-2005). Tertuduh dikenakan denda RM 1600. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 5 bulan.
2. Pendakwa Syarie lwn Suriani Md Sani (05001-114-0012-2005). Tertuduh dikenakan

- denda RM 1600. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 30 hari.
3. Pendakwa Syarie lwn Nurhayati Bt Zainal (05001-114-0053-2006). Tertuduh dikenakan denda RM 1200. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 2 bulan.
 4. Pendakwa Syarie lwn Nurul Hafshal B.Muhammad Nazari (05001-166-0063-2006). Tertuduh dikenakan denda RM 1500. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 4 bulan.
 5. Pendakwa Syarie lwn Nor Fazlina Bt Samausi (05001-114-0018-2007). Tertuduh dikenakan denda RM 2000. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 3 bulan.
 6. Pendakwa Syarie lwn Mohd Azwan B. Yusof (05001-114-0017-2007). Tertuduh dikenakan denda RM 2000. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 3 bulan.
 7. Pendakwa Syarie lwn Mohamad Akhir Othman (05001-114-0015-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 2300. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 3 bulan.
 8. Pendakwa Syarie lwn Rohayana Binti Makmur (05001-114-0015-2008). Tertuduh dibebaskan tanpa dilepaskan.
 9. Pendakwa Syarie lwn Nor Shah Rina Bt Abdul Razak (05001-114-0017-2008). Tertuduh dikenakan denda RM 2100. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 1 bulan.
 10. Pendakwa Syarie lwn Muna Liza Bt Johari (05001-114-0107-2009). Tertuduh dikenakan denda RM 2200. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 1 bulan.
 11. Pendakwa Syarie lwn Mohd Zuhairi Bin Mohamed (05001-114-0044-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 2200. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 2 bulan.
 12. Pendakwa Syarie lwn Mohd Shazwan Bin Che Abdul Rahman (05001-114-0061-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 2600. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 3 bulan.
 13. Pendakwa Syarie lwn Ahmad Irsyad Bin Ruslan (05001-114-0024-2010). Tertuduh dikenakan denda RM 2100. Jika gagal membayar denda tertuduh akan dipenjara selama 2 bulan.

KES-KES RAYUAN DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SEREMBAN

Kesalahan persetubuhan luar nikah:

1. Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Mohamad Khairul Affendi Bin Shaari (05100-142-0055-2010). Hukuman yang dikenakan ialah denda RM 4000 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 4 bulan.
2. Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Mohd Ibrahim Bin Abdul Rahman (05100-180-0040-2010). Hukuman yang dikenakan ialah denda RM 3000.
3. Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Mohd Rahim Bin Razali (05100-157-0001-2005). Hukuman yang dikenakan ialah denda RM 2500 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 15 hari.

Kesalahan hamil luar nikah:

1. Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Sarimah Binti Ahmad. (05100-180-0002-2010). Hukuman yang dikenakan ke atas pesalah ialah denda RM 2500.
2. Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Noorleyana Binti Bakhtiar (05100-180-0040-2010). Hukuman yang dikenakan ialah denda RM 2000 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 2 bulan.

Kesalahan percubaan persetubuhan haram:

1. Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Mohd Azree Bin Alias (05005-114-0381-2005). Hukuman yang dikenakan ialah denda RM 1500 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 2 bulan.
2. Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Kamarul Ariffin Bin Abdul Manap (05005-114-0502-2005). Hukuman yang dikenakan ialah denda RM 1700 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 2 bulan.
3. Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Susyarnie Binti Abdul Rahman (05005-114-0232-2005). Hukuman yang dikenakan ialah denda RM 1200 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 1 bulan.
4. Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Lili Surayni Bin Mohd Taip (05005-114-0100-2007). Hukuman yang dikenakan ialah denda RM 1300 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 1 bulan.
5. Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Mohd Shawal B. Mohd Hussin. (05005-114-0137-2008). Hukuman yang dikenakan ialah denda RM 2000 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 2 bulan.

6. Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Nor Hazriq Bin Abu Kasim (05005-114-0893-2009). Hukuman yang dikenakan ialah denda RM 2000.
7. Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Mohd Khairul Nizar Bin Abdul Karim (05005-114-0263-2010). Hukuman yang dikenakan ialah denda RM 2000 dan jika gagal membayar denda tertuduh dipenjara selama 7 hari.

ANALISA BERHUBUNG HUKUMAN BAGI KESALAHAN SEKSUAL DAN BERKAITAN KEHORMATAN DIRI DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN

Setelah melihat kepada jenis-jenis kesalahan dan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakan hukuman yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan hanya melibatkan hukuman denda sahaja. Walaupun hakikatnya dalam kebanyakan penghakiman kes-kes jenayah yang dikaji mendapati bahawa hukuman alternatif iaitu penjara juga diberikan, di samping hukuman denda, namun hakikatnya hukuman penjara jarang dilaksanakan. Malah denda yang dikenakan memang dengan mudah dapat dibayar terutamanya apabila kadar denda tersebut sekadar berjumlah di bawah RM 3000. Justeru, persoalan seterusnya, adakah hukuman denda yang dikenakan dilaksana oleh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan ini cukup dan setimpal dengan jenayah syariah yang dilakukan oleh pesalah, dan mampu mendidik serta menginsafkan pesalah?

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan terhadap peruntukan undang-undang sedia ada iaitu

Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, kes-kes yang telah diputuskan dari tahun 2005 hingga 2010 serta temubual dengan hakim-hakim syarie yang terlibat secara langsung dengan perbicaraan kes-kes jenayah syariah di Negeri Sembilan, beberapa perkara dapat dirumuskan dalam artikel ini.

Pertamanya, peruntukan berhubung hukuman bagi jenayah seksual dan kehormatan diri dalam Enakmen Jenayah Syariah 1992 masih ringan dan masih tidak mengikuti hukuman maksima yang diperuntukkan dalam Akta 355. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965, Pindaan 1984, seksyen 2 telah memperuntukkan hukuman maksima kepada Mahkamah Syariah iaitu sebanyak 3 tahun penjara, RM 5000 denda dan 6 kali sebatan. Sungguhpun demikian, jika dilihat dalam peruntukan dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 dan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2004, hanya satu seksyen atau satu kesalahan sahaja yang memperuntukkan hukuman maksima tersebut iaitu seksyen 72 berhubung kesalahan melacurkan isteri dan anak.¹ Hukuman maksima yang dimaksudkan ialah 3 tahun penjara, RM 5000 dan 6 sebatan. Peruntukan kesalahan jenayah dan hukuman dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan masih dikira ringan berbanding dengan peruntukan kesalahan jenayah dan hukuman Enakmen negeri-negeri lain kerana tidak memasukkan semua hukuman maksima tersebut. Ini terbukti dalam banyak jenis kesalahan dan hukuman yang diperuntukkan dalam Enakmen ini berbanding dengan negeri-negeri lain. Dikemukakan beberapa contoh peruntukan jenayah syariah dan hukuman maksima yang diperuntukkan di beberapa negeri lain sebagai perbandingan:

Negeri	Jenayah Syariah	Hukuman
Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997	Persetubuhan luar nikah (s.23) Liwat (s.25) Musahaqah (s.26) Muncikari (s.22) Perbuatan sumbang mahram (s.20) Pelacuran (s.21)	Denda tidak melebihi RM5000 (a) penjara tidak melebihi 3 tahun (b) sebatan tidak melebihi 6 kali (c) mananya kombinasi.
Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995	Sumbang mahram (s.22) Melacurkan diri atau isteri (s.23) Muncikari (s.24) Persetubuhan luar nikah (s.25) Persediaan persetubuhan luar nikah (s.26) Persetubuhan bertentangan dengan tabie (s.28)	Denda tidak melebihi RM5000 (a) penjara tidak melebihi 3 tahun (b) sebatan tidak melebihi 6 kali (c) mananya kombinasi.
Enakmen Kesalahan Syariah Johor 1997	Sumbang Mahram (s.20) Pelacuran (s.21) Muncikari (s.22) Persetubuhan Luar Nikah (s.23) Liwat (s.25) Musahaqah (s.26)	Denda tidak melebihi RM5000 (a) penjara tidak melebihi 3 tahun (b) sebatan tidak melebihi 6 kali (c) mananya kombinasi.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996	Perbuatan Sumbang Mahram (s.20) Pelacuran (s.21) Muncikari (s.22) Persetubuhan Luar Nikah (s.23) Liwat (s.25) Musahaqah (s.26)	Denda tidak melebihi RM5000 (a) penjara tidak melebihi 3 tahun (b) sebatan tidak melebihi 6 kali (c) mananya kombinasi.
Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001	Perbuatan Sumbang Mahram (s.24) Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri (s.25) Perbuatan sebagai persedian untuk melacurkan isteri atau kanak-kanak dalam pemeliharaannya (s.26) Melacurkan isteri atau anak. (s.27) Muncikari (s.28) Musahaqah (s.30)	Denda tidak melebihi RM5000 (a) penjara tidak melebihi 3 tahun (b) sebatan tidak melebihi 6 kali (c) mananya kombinasi
Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992	Perhubungan muabbad dan ghairu muabbad (s.45) Melacurkan isteri (s.47) Persetubuhan haram (s.48)	Denda tidak melebihi RM5000.00 (a) penjara tidak melebihi 3 tahun (b) kedua-duanya dan boleh juga dikenakan sebat tidak melebihi 6 kali.
Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985	Zina (s.11) Liwat (s.14)	Penjara tidak lebih 3 tahun (a) denda tidak lebih RM5000.00 (b) kedua-duanya dan sebat tidak lebih 6 kali.

Berdasarkan beberapa contoh peruntukan yang dikemukakan di atas, terbukti bahawa Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 masih dianggap terkebelakang dalam konteks hukuman yang disediakan dalam setiap kesalahan jenayah syariah. Ini kerana kebanyakan hukuman yang diperuntukkan tidak menyediakan hukuman maksima walaupun melibatkan jenayah serius seperti persetubuhan haram, perhubungan muabbad dan ghairu muabbad, liwat, musahaqah, melacurkan diri, atau muncikari.

Contoh-contoh peruntukan hukuman bagi kesalahan seksual dan kehormatan diri, yang tidak memperuntukkan hukuman maksima menurut Akta 355 secara spesifiknya adalah antaranya seperti:

1. Hukuman bagi liwat di bawah seksyen 63, hanya hukuman denda tidak lebih dari RM3000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.
2. Hukuman bagi musahaqah di bawah seksyen 64, hanya hukuman denda tidak lebih dari RM 3000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.
3. Hukuman bagi hamil luar nikah di bawah seksyen 75, hanya hukuman denda tidak lebih dari RM 3000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.

Jelas dari contoh-contoh kesalahan yang lazim berlaku di atas, hukumannya tidak merupakan hukuman

maksima sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta 355 yang membenarkan hukuman denda sehingga RM 5000 dan penjara sehingga 3 tahun, malah juga sebatan sebanyak 6 kali.

Keduanya, hukuman denda merupakan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah syariah dan denda yang dikenakan adalah sangat ringan dan rendah. Melihat kepada kajian yang dilakukan terhadap keskes jenayah membabitkan kehormatan diri yang dilakukan di setiap Mahkamah Syariah setiap daerah di Negeri Sembilan dari tahun 2005 hingga 2010, didapati bahawa kesemua hukuman yang dikenakan ke atas pesalah merupakan hukuman denda sahaja. Hukuman denda ini merangkumi semua jenis kesalahan tidak kira kesalahan ringan atau berat, yang membezakan hanya kadar denda yang dikenakan samada sedikit atau banyak sahaja. Amalan menjatuhkan hukuman denda ini ada kaitannya dengan cara peruntukan berhubung kesalahan dan hukuman itu digubal dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 sendiri.

Jika diteliti kepada peruntukan-peruntukan dalam Enakmen tersebut, hukuman denda diperuntukkan dahulu atau sebelum hukuman penjara bagi sesuatu kesalahan tertentu. Keadaan ini memberi ruang kepada para hakim mengenakan hukuman denda terlebih dahulu ke atas pesalah, dan jika pesalah gagal membayar denda barulah dia akan dipenjarakan selama tempoh tertentu mengikut kesesuaian. Sungguhpun frasa “atau” digunakan dalam setiap peruntukan

kesalahan yang memberi pilihan kepada hakim, namun amalan hakim lazimnya akan mengenakan hukuman denda, bukannya hukuman penjara. Hampir kesemua peruntukan kesalahan dalam Enakmen Negeri Sembilan memperuntukkan hukuman denda terlebih dahulu, melainkan untuk dua kesalahan dalam seksyen 70 (muncikari)² dan seksyen 71 (orang-orang yang hidup atas atau yang memperdagangkan pelacuran)³ yang memperuntukkan hukuman penjara dahulu, diikuti dengan hukuman denda. Namun ini tidak bermakna hakim tidak menjatuhkan hukuman denda kepada pesalah yang melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.

Dalam menjatuhkan hukuman denda tersebut, kajian juga mendapati bahawa denda yang dikenakan ke atas pesalah tidak konsisten dan adakalanya tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh pesalah. Hukuman denda yang dikenakan dianggap ringan dan mudah dibayar dan langsung tidak membebankan pesalah. Isu ini perlu diberi perhatian serius kerana sungguhpun hukuman denda maksima ialah RM 5000, pesalah jarang atau tidak dikenakan hukuman maksima dalam setiap kesalahan yang dilakukan. Kadar denda yang sering atau lazim dikenakan ialah sekitar RM1000 hingga RM3000 sahaja, menggambarkan bahawa hukuman denda yang dikenakan tidak begitu tinggi dan tidak semaksima mungkin. Ini akan menyulitkan keadaan jika ada cadangan untuk meminta agar hukuman denda maksima RM 5000 dinaikkan lagi, sekiranya RM5000 tidak dikenakan oleh hakim-hakim yang memutuskan kes-kes jenayah syariah. Memang tidak dinafikan bahawa, wujudnya faktor-faktor tertentu sebagaimana menurut pendapat hakim-hakim yang telah ditemubual mengatakan bahawa misalnya jika terdapat rayuan maka ada ruang untuk dikurangkan denda, namun jika denda yang dikenakan pada asalnya sememangnya sudah rendah, maka bila rayuan itu dipertimbangkan, besar kemungkinan, denda akan menjadi bertambah kurang. Keadaan ini mendorong kepada kadar denda yang sangat rendah dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah dan ini dianggap tidak setimpal dengan jenayah yang telah dilakukan.

Ketiganya, hukuman penjara tidak dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah. Sebagaimana yang sudah dijelaskan sebelum ini, hukuman penjara ada diperuntukkan dalam kebanyakan kesalahan jenayah syariah di Negeri Sembilan. Namun apa yang menjadi persoalannya ialah, ia bukan merupakan hukuman ‘kegemaran’ yang dikenakan ke atas pesalah. Alasan yang mengatakan bahawa ia adalah hukuman kedua selepas hukuman denda mungkin merupakan antara faktor yang menjadikan hukuman penjara dipinggirkan. Sungguhpun peruntukan bidangkuasa pada dasarnya membenarkan hukuman maksima penjara selama tempoh maksima 3 tahun, namun realitinya ia tidak berlaku di Negeri Sembilan. Memang tidak dinafikan hukuman penjara ada dijadikan hukuman alternatif, namun persoalan yang timbul ialah; setakat manakah

hukuman ini terlaksana jika pesalah mampu dan berupaya membayar denda? Bermakna, jika pesalah membayar denda, hukuman penjara ini memang tidak akan dikenakan terhadap pesalah. Justeru dalam kebanyakan kesalahan jenayah syariah, tidak kira apapun kesalahannya, hukuman penjara sangat jarang atau tidak akan dilaksanakan.

Jika diteliti kepada peruntukan Enakmen Negeri Sembilan, setiap kesalahan diperuntukkan hukuman denda “atau” penjara “atau” kedua-duanya. Namun kajian kes menunjukkan bahawa hakim tidak menggunakan budi bicaranya untuk menjatuhkan “kedua-dua” hukuman tersebut dalam apa-apa kesalahan jenayah, samada kesalahan yang dianggap serius mahupun kesalahan yang dianggap biasa atau kurang serius. Sekiranya undang-undang sudah membenarkan sesuatu hukuman itu dikenakan ke atas pesalah syariah, walaupun dengan had dan limitasi tertentu, tidak salah jika hukuman itu dikenakan ke atas pesalah tersebut kerana ia dianggap suatu bentuk pembalasan atau pengajaran ke atas perbuatan salahnya. Perkara ini juga perlu diberi perhatian dalam menimbangkan keperluan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah jenayah syariah di Negeri Sembilan.

Keempat, hukuman sebatan tidak dilaksanakan malah tidak diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 melainkan hanya dalam satu seksyen tunggal sahaja. Rumusan yang pertama sudah menjelaskan bahawa Enakmen Negeri Sembilan didapati tidak memperuntukkan hukuman yang maksima yang dibenarkan menurut Akta 355. Keadaan ini membawa rumusan ini di mana, hukuman sebatan didapati tidak dilaksanakan ke atas pesalah jenayah syariah di Negeri Sembilan. Mengapa hukuman sebatan tidak dilaksanakan ke atas pesalah di Negeri Sembilan? Jawapannya ialah kerana tiada terdapat peruntukan undang-undang yang membenarkan hukuman sebatan dijalankan ke atas pesalah syariah, melainkan hanya untuk satu kesalahan iaitu kesalahan melacurkan isteri dan anak, seksyen 72. Menurut peruntukan ini:

S.72(1) Seseorang suami yang melacurkan isterinya atau dengan sengaja membenarkan isterinya melacurkan dirinya adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bolehlah juga dikenakan sebat tidak melebihi enam kali.

S.72(2) Seseorang ibu atau bapa atau penjaga yang melacurkan anaknya atau kanak-kanak di bawah jagaannya atau membenarkan anaknya atau kanak-kanak yang di bawah jagaannya itu melacurkan diri adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan sebat tidak melebihi enam kali.

Ini merupakan satu-satunya peruntukan di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 yang memperuntukkan hukuman maksima menurut Akta 355. Namun ia sekadar peruntukan yang masih menunggu waktu dan ketika untuk dilaksanakan hukuman tersebut. Perlu disedari bahawa, sungguhpun seksyen 72 memperuntukkan hukuman sebatan itu, namun ia masih memberi ruang budi bicara kepada hakim yang membicarkan kes untuk menjatuhkan hukuman sebatan tersebut. Dalam kajian yang dilakukan tiada satu kes pun yang diputuskan di bawah seksyen ini dan ini menunjukkan bahawa hukuman sebatan masih belum dilaksanakan di Negeri Sembilan setakat ini. Kajian terhadap kes-kes lain yang tiada peruntukan hukuman sebatan juga menunjukkan bahawa hanya hukuman denda yang dikenakan ke atas pesalah memberi gambaran seakan-akan ada kecenderungan di pihak hakim syarie tidak menggunakan budi bicara mereka menjatuhkan hukuman lain, selain dari denda semata-mata.

Selain dari jenayah melacurkan isteri dan anak, hukuman sebatan tidak diperuntukkan dalam mana-mana kesalahan jenayah syariah lain sekalipun jenayah syariah yang serius. Kesalahan-kesalahan seperti persetubuhan haram, percubaan persetubuhan haram, liwat, musahaqah, qazaf, ajaran sesat, hamil luar nikah, muncikari dan seumpamanya diberikan hukuman maksima iaitu penjara 3 tahun atau denda RM 5000 atau sebatan 6 kali. Ini selaras dengan Akta persekutuan iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965, Pindaan 1984 yang memperuntukkan hukuman maksima sedemikian. Dalam konteks ini, perundangan Negeri Sembilan boleh mengambil iktibar dari peruntukan negeri-negeri lain seperti Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, Enakmen Kesalahan Syariah Johor 1997, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 atau Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001. Negeri-negeri ini merupakan antara contoh yang telah menggunakan hukuman maksima bagi kebanyakan kesalahan jenayah terutamanya yang melibatkan kesalahan zina.

Sekiranya di negeri-negeri lain, hukuman sebat sudah diperuntukkan dalam enakmen kanun jenayah syariah masing-masing⁴ tidak ada sebab kenapa kerajaan Negeri Sembilan tidak memasukkan hukuman sebat tersebut dalam perundangan, terutamanya bagi kesalahan-kesalahan serius yang kerap dan lazim berlaku dalam masyarakat pada hari ini. Dengan cara ini, mungkin jenayah syariah dapat dibendung walaupun tidak dapat dihapuskan sepenuhnya.

CADANGAN KE ARAH KEPERLUAN HUKUMAN YANG LEBIH BERAT

Artikel ini mengemukakan beberapa cadangan atau saranan yang dirasakan perlu dalam menambahbaik perundangan dan perlaksanaan berhubung hukuman

pesalah jenayah syariah di Negeri Sembilan ini. Asas kepada cadangan ini ialah memperuntukkan hukuman maksima sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta 355 iaitu 3 tahun penjara, RM 5000 denda dan 6 kali sebatan. Cadangan-cadangan yang dikemukakan ini juga adalah susulan dari rumusan di atas.

MEMPERUNTUKKAN HUKUMAN DENDA MAKSIMA DALAM KESALAHAN JENAYAH SYARIAH TERTENTU YANG LAZIM ATAU SERIUS

Adalah dicadangkan agar peruntukan berhubung hukuman bagi kesalahan jenayah syariah yang serius seperti persetubuhan haram, percubaan persetubuhan haram, liwat, musahaqah, qazaf, ajaran sesat, hamil luar nikah, muncikari dan seumpamanya diberikan hukuman maksima iaitu penjara 3 tahun atau denda RM 5000 atau sebatan 6 kali. Ini selaras dengan Akta persekutuan iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965, Pindaan 1984 yang memperuntukkan hukuman maksima sedemikian. Dalam konteks ini, perundangan Negeri Sembilan boleh mengambil iktibar dari peruntukan negeri-negeri lain seperti Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, Enakmen Kesalahan Syariah Johor 1997, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 atau Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001. Negeri-negeri ini merupakan antara contoh yang telah menggunakan hukuman maksima bagi kebanyakan kesalahan jenayah terutamanya yang melibatkan kesalahan zina.

Adalah juga dicadangkan agar susunan frasa perkataan yang digunakan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 menggunakan hukuman ‘penjara’ dahulu, kemudian diikuti dengan hukuman ‘denda’ dan ‘sebatan’. Cadangan ini berdasarkan kepada realiti dalam statut perundangan sivil yang memulakan hukuman ‘penjara’ dahulu, barulah diikuti dengan hukuman ‘denda’ bagi sesuatu kesalahan jenayah. Hukuman penjara sebenarnya adalah lebih bersesuaian dengan sifat sesuatu kesalahan jenayah, berbanding dengan hukuman denda secara falsafahnya. Malah deraan merupakan asas hukuman dalam syariah.

MENCADANGKAN AGAR HUKUMAN PENJARA DIKENAKAN DAN DILAKSANAKAN KE ATAS PESALAH JENAYAH SYARIAH

Sebagaimana sedia maklum bahawa, hukuman penjara sememangnya merupakan satu bentuk hukuman yang disediakan bagi pesalah jenayah syariah di Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, jelas bahawa hukuman jenis ini tidak banyak dikenakan dan hakim lebih suka dan cenderung menjatuhkan hukuman denda ke atas pesalah. Sungguhpun hukuman denda tidak

sesuai atau tidak setimpal bagi sesetengah kesalahan, namun hukuman ini masih dilaksanakan dan hukuman penjara tidak dijalankan. Hakim cenderung membuat penghakiman mengatakan bahawa jika tertuduh atau pesalah gagal membayar denda, maka dia akan dipenjara untuk satu tempoh tertentu. Lazimnya tempoh masa pemerlukan itu bergantung kepada jenis kesalahan dan keadaan tertuduh. Hakikat yang berlaku pesalah akan sedaya upaya membayar denda yang dikenakan dan ini tidak sukar dilakukan kerana denda yang dikenakan itu bukanlah pada kadar yang tinggi. Kesannya hukuman penjara tidak dilaksanakan ke atas pesalah.

Tidak ada salahnya untuk melaksanakan hukuman penjara ke atas pesalah syariah kerana perundangan sudah mempunyai peruntukan yang jelas berhubungnya. Terpulanglah kepada budibicara hakim yang membicarakan kes untuk menjatuhkan hukuman penjara tersebut atau sebaliknya ke atas pesalah, bergantung kepada jenis dan tahap kesalahan jenayah yang dilakukannya.

MENCADANGKAN AGAR HUKUMAN SEBATAN DIMASUKKAN DALAM PERUNTUKAN ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN 1992, SETERUSNYA DILAKUKAN KE ATAS PESALAH JENAYAH SYARIAH

Selaras dengan cadangan pertama agar enakmen negeri ini memasukkan hukuman maksima sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta 355, maka dicadangkan agar hukuman sebat dijadikan satu bentuk hukuman yang boleh dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah. Saranan ini sangat signifikan dalam konteks memberi kesedaran dan didikan kepada pesalah dan masyarakat agar tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan itu. Sebagaimana yang telah disebut sebelum ini, Negeri Sembilan boleh mengambil contoh atau iktibar dari enakmen negeri-negeri lain yang telah memasukkan hukuman sebat dalam pelbagai kesalahan jenayah syariahnya. Adalah tidak wajar jika hanya menghadkan hukuman sebat kepada hanya satu kesalahan melacur isteri dan anak, sedangkan kesalahan lain juga mempunyai ciri dan sifat yang tidak bermoral dan terpesong dari akidah sebagai seorang muslim. Justeru dicadangkan agar hukuman sebat dijadikan hukuman terutamanya bagi kesalahan persetubuhan haram, liwat, hamil luar nikah, dan juga muncikari. Bahkan tidak salah jika hukuman sebat juga dikenakan ke atas kesalahan percubaan persetubuhan haram atau khalwat. Kajian mendapati, terlalu banyak kes percubaan persetubuhan haram berlaku di setiap daerah di Negeri Sembilan saban tahun dari tahun 2005 hingga 2010. Keadaan ini membuktikan bahawa hukuman denda kurang atau mungkin tidak memberi kesan yang baik dalam membendung jenayah ini dari berleluasa.

Oleh itu untuk merealisasikan cadangan di atas, kaedah terperinci yang melibatkan hukuman sebat perlu digubal dan dikuatkuasakan di Negeri Sembilan

(bahkan perlu diseragamkan di seluruh Malaysia) bertujuan menjelaskan lagi prosedur perlaksanaan hukuman sebat terutama berkaitan perkara-perkara seperti alat sebatan, tempat sebatan, masa, kategori orang yang melaksanakan hukuman sebatan, pakaian yang perlu dipakai oleh pesalah, perlaksanaan bagi pesalah yang dihukum sebat tanpa hukuman penjara dan juga perlaksanaan hukuman sebat terhadap pesalah kanak-kanak.⁵

Menurut Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 ini juga, apabila tertuduh dihukum sebat sebagai tambahan kepada hukuman penjara, hukuman sebatan itu tidak boleh dikenakan jika ada rayuan dibuat dan sehingga hukuman itu disahkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah.⁶ Selain itu juga, hukuman sebatan perlu dikenakan seberapa segera sebaik sahaja menerima perintah dari Mahkamah Rayuan yang mengesahkan hukuman tersebut.⁷

Di samping merujuk kepada peruntukan-peruntukan prosedur sebatan dalam Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997, pihak kerajaan Negeri Sembilan juga boleh merujuk kepada Kaedah-kaedah Hukuman Sebat Negeri Kelantan yang telah diluluskan dan dikuatkuasakan semenjak tahun 1987.

Cadangan yang diutarakan agar pesalah jenayah syariah dikenakan hukuman sebat tidak mendatangkan mudarat kepada pesalah. Cara penguatkuasaan serta perlaksanaan hukuman sebat menurut prinsip syariah adalah jauh berbeza dari cara penguatkuasaan dan perlaksanaan hukuman sebat di bawah undang-undang sivil. Ini kerana hukuman sebat menurut syariah bukan bermatlamatkan untuk menghukum pesalah semata-mata, malah untuk merawat pesalah secara dalaman agar memberi keinsafan sehingga berupaya untuk mendidik mental serta sifat keperibadiannya yang kelak menjadi benteng dalaman agar tidak mengulangi perilaku jenayah tersebut. Hukuman sebat juga dapat mencegah masyarakat serta orang awam yang menyaksikan hukuman sebat yang dilakukan di tempat awam ini dari melakukan kesalahan yang sama.

MENGADAKAN GARIS PANDUAN ATAU ARAHAN YANG JELAS BERHUBUNG PENENTUAN HUKUMAN ATAU FAKTOR-FAKTOR YANG DIPERTIMBANGKAN SEBELUM DIKENAKAN HUKUMAN TERHADAP PESALAH JENAYAH SYARIAH

Selain dari cadangan yang dikemukakan di atas, adalah juga disarankan untuk diwujudkan satu garis panduan yang jelas oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan terhadap hakim-hakim syarie yang menjatuhkan hukuman ke atas pesalah jenayah syariah. Arahan atau garis panduan yang dikeluarkan tersebut perlu mengandungi perkara-perkara penting seperti faktor-faktor pertimbangan dalam menjatuhkan hukuman, seperti:

1. jenis kesalahan
2. umur pesalah
3. keadaan fizikal pesalah
4. status pesalah
5. rekod pesalah
6. latar belakang pesalah (pendidikan, keluarga dsb)
7. kesan kepada mangsa, keluarga atau tanggungan pesalah sendiri
8. kepentingan awam
9. dsb.

Garis panduan ini sedikit sebanyak membantu para hakim membuat keputusan yang lebih adil dan menjatuhkan hukuman yang lebih konsisten dan lebih seragam. Ia juga dapat mengelakkan dari hukuman yang berbeza-beza dari satu Mahkamah Syariah ke satu Mahkamah Syariah yang lain walaupun membabitkan kesalahan yang sama.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa hukuman yang dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah di Negeri Sembilan bagi kesalahan mengenai kehormatan diri, adalah sangat ringan, serta tidak memenuhi hukuman yang sepatutnya dalam peruntukan akta. Justeru, adalah wajar bahawa hukuman yang lebih berat dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah ini.. Tidak dinafikan lagi bahawa hukuman denda memang tidak mampu membendung kesemua jenis jenayah syariah dan menginsafkan pesalah jenayah syariah. Sebahagian jenayah syariah perlu kepada hukuman yang lebih berat seperti hukuman sebat. Bilangan enam sebatan yang dibenarkan menurut Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984 (Akta 355) memang tidak dinafikan terlalu sedikit berbanding dengan bilangan sebatan yang dibenarkan dalam kesalahan jenayah sivil. Walau bagaimanapun, realitinya bidang kuasa terbatas ini yang diberikan ini pun, masih tidak dilaksanakan sewajarnya oleh Mahkamah Syariah di Malaysia amnya, dan Mahkamah Syariah di Negeri Sembilan khususnya. Justeru adalah menjadi tugas dan tanggungjawab para hakim syarie untuk menggunakan sebaik mungkin budi bicara yang diperuntukkan untuk menjatuhkan hukuman ke atas pesalah jenayah syariah. Dalam masa yang sama, adalah diharapkan agar bidangkuasa sebatan, malah penjara serta denda yang diperuntukkan dalam Akta 355 itu dinaikkan atau ditambah pada masa akan datang demi membendung perlakuan jenayah syariah yang semakin berleluasa.

NOTA

¹ S.72(1) Seseorang suami yang melacurkan isterinya atau dengan sengaja membenarkan isterinya melacurkan dirinya adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan sebat tidak melebihi enam kali.

² S.72(2) Seseorang ibu atau bapa atau penjaga yang melacurkan anaknya atau kanak-kanak di bawah jagaannya atau membenarkan anaknya atau kanak-kanak yang di bawah jagaannya itu melacurkan diri adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan sebat tidak melebihi enam kali.

³ S.70 Mana-mana orang yang menjadi muncikari adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

⁴ S.71(1) Mana-mana orang yang dengan diketahuinya hidup dengan sepenuh atau sebahagiannya atas pendapatan dari pelacuran seorang lain adalah melakukan satu kesalahan-lain adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda melebihi atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

⁵ Lihat contoh yang dikemukakan di atas.

⁶ Memandangkan Negeri Sembilan masih belum mempunyai undang-undang berkaitan prosedur hukuman sebat, Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 mungkin boleh dijadikan rujukan. Ini memandangkan Akta ini memperuntukkan prosedur yang agak terperinci bagi perlaksanaan hukuman sebat syariah, termasuklah berkaitan alat yang digunakan untuk sebatan, tempat, cara sebatan serta masa perlaksanaan hukuman sebatan.

⁷ Lihat Seksyen 126(1) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

⁸ Lihat Seksyen 126(2) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

RUJUKAN

- Abdul Halim El-Muhammady.2005. *Undang-undang Jenayah Dalam Islam dan Enakmen Negeri-negeri*. Selangor : Wadah Niaga Sdn Bhd.
- Anita Abdul Rahim, Ahmad Azam Mohd Shariff, Ruzian Markom. 2010. Hukuman Sebat Menurut Akta 355 : Sejauh manakah Aplikasinya Dalam Kes-kes Jenayah Syariah di Malaysia? *Shariah Law Reports*.3 : 79.
- Ahmad Azam Mohd Shariff, Mazupi Abdul Rahman, Anita Abdul Rahim. Hukuman Sebat : Satu Analisa Dari Perspektif Prinsip Syariah serta Pengaruhnya oleh Mahkamah Syariah di Malaysia dalam Anita Abdul Rahim, Nazura Abdul Manap, Ramalinggam Rajamanickam. 2009. *Isu-isu Perundangan di Malaysia : Satu Anjakan Paradigma*. Bangi : Fakulti Undang-undang.
- Haji Said bin Haji Ibrahim. 1996. *Qanun Jinayah Syar'iyyah dan Sistem Kehakiman Dalam Perundangan Islam Berdasarkan Quran dan Hadith*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.

- Farid Sufian Shuaib, Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal. 2001. *Administration of Islamic Law in Malaysia: Text and Material*. Kuala Lumpur : Malayan Law Journal.
- Paizah Haji Ismail. 1991. *Undang-undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Zaini Nasohah, Amir Husin Mohd Nor, Mohd Nasran Mohamad. 2010. *Penguatkuasaan Kes Jenayah Syariah di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah FPI.

Dr. Anita Abdul Rahim
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor
Emel: aar@ukm.my

Dr. Adibah Abdul Rahim
Kulliyyah Of Islamic Revealed Knowledge
International Islamic University
Gombak
Selangor
Emel: adibahar@iium.edu.my

Prof. Madya. Dr. Nazura Abdul Manap
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor
Emel: nazura@ukm.my